



24 PENIAGA DIKENAKAN TINDAKAN SEMASA PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN DEEPAVALI 2022

PUTRAJAYA, 30 Oktober 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022 berkuatkuasa mulai 20 sehingga 26 Oktober 2022. Pelaksanaan skim ini merupakan langkah proaktif Kerajaan dalam menangani kos sara hidup rakyat terutamanya sepanjang tempoh perayaan Deepavali yang telah disambut di seluruh Negara pada 24 Oktober 2022.

2. Tempoh pelaksanaannya adalah selama tujuh (7) hari dan berkuat kuasa pada empat (4) hari sebelum perayaan, satu (1) hari semasa perayaan dan dua (2) hari selepas perayaan. Sebanyak lapan (8) jenis barangan harga terkawal telah diwartakan harga maksimumnya bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022.

3. Senarai barangan harga terkawal bagi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022 adalah seperti berikut:

- i. Daging kambing biri-biri import bertulang
- ii. Tomato
- iii. Cili merah
- iv. Kelapa biji

*(*Harga maksimum di peringkat borong sahaja)*

v. Kelapa parut

*(*Harga maksimum di peringkat runcit sahaja)*

vi. Bawang merah kecil (India)

vii. Bawang merah besar import

viii. Kacang dal (Australia)

4. Sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini, sebanyak **4,339 pemeriksaan** telah dijalankan di seluruh Negara manakala sebanyak **24 tindakan kes** telah diambil ke atas peniaga yang ingkar. Pemeriksaan yang telah dijalankan itu melibatkan **111 pemeriksaan ke atas premis borong manakala 4,228 pemeriksaan ke atas premis runcit.**

5. Antara kesalahan yang dikesan adalah menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan, gagal meletakkan tanda harga dan gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu.

6. Berdasarkan pemantauan yang telah dilakukan dan maklumbalas orang ramai, pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022 memudahkan rakyat mendapatkan bekalan dengan harga yang ditetapkan Kerajaan.

7. Pengguna dinasihatkan untuk terus berhemah di dalam berbelanja dan menggunakan sepenuhnya hak-hak mereka sebagai pengguna terutamanya dalam tempoh ketidaktentuan ekonomi yang berlaku ketika ini. Kuasa pengguna adalah sebagai langkah pencegahan awal yang boleh diambil oleh pengguna agar tidak mudah dimanipulasi oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab yang ingin mengambil kesempatan dalam situasi sukar ketika ini.

8. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku peniaga boleh melaporkan kepada pihak KPDNHEP melalui saluran aduan berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000
- ii. Portal Aduan; e-aduan.kpdnhep.gov.my
- iii. Call Centre 1-800-886-800
- iv. Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- v. Ez ADU KPDNHEP

Azman bin Adam
Ketua Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

PUTRAJAYA, 30 Oktober 2022

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran. Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

